

PILIH DAGING MANA YANG ANDA MAHU?



ATAU INI??



**BAGI SEBARANG PERTANYAAN LANJUT
SILA HUBUNGI :**

**JABATAN PERKHIDMATAN
VETERINAR NEGERI KELANTAN**

**KUBANG KERIAN, 16150 KOTA BHARU,
KELANTAN**

TEL : 09-7652545 / 2811

FAX : 09-7651178

Atau

**PPVJ (Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan)
yang berhampiran**

PPVJ Bachok	09-7788242
PPVJ Gua Musang	09-9121990
PPVJ Jeli	09-9440126
PPVJ Kota Bharu	09-7440341
PPVJ Kuala Krai	09-9666042
PPVJ Machang	09-9751244
PPVJ Pasir Mas	09-7909375
PPVJ Pasir Puteh	09-7866346
PPVJ Tanah Merah	09-9556326
PPVJ Tumpat	09-7257220



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI KELANTAN**

**JOM MAKAN DAGING
YANG BERSIH DAN
BERKUALITI**



BERTANI SATU IBADAH

Konsep Daging Bersih & Berkualiti

Bermula daripada keadaan haiwan ternakan sebelum disembelih sehinggalah keadaan daging tersebut dijual kepada orang ramai.

Menepati cara penyembelihan yang ditentukan oleh syarak serta meliputi keadaan persekitaran kawasan penyembelihan yang bersih dari segi keadaan fizikal, kimia atau biologik.

Aspek "Kebersihan sebahagian daripada iman".

Ciri-ciri Daging Bersih & Berkualiti

1. Bersumberkan ternakan yang sihat ketika disembelih (mempunyai Sijil Kesihatan Veterinar).
2. Disembelih di Rumah Sembelih Kerajaan atau Rumah Sembelih yang Dilesenkan.
3. Daging yang dijual mempunyai permit yang sah dari Pihak Berkuasa Veterinar.
4. Daging telah diperiksa agar selamat dimakan sebelum dijual kepada orang awam (mempunyai tag karkas atau cop daripada Rumah Sembelih).



Punca Kuasa Perundangan

Kaedah 5, Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009:

"Tiada seorang pun boleh menyembelih atau menyebabkan disembelih apa-apa binatang kecuali di rumah penyembelihan yang diluluskan atau rumah penyembelihan yang dilesenkan."

"Tiada seorang pun boleh menjual, mempamerkan untuk dijual atau memiliki apa-apa karkas apa-apa binatang yang tidak disembelih di rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan."

Penalti

"Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau apa-apa syarat yang dikenakan di bawah mana-mana pendaftaran, permit, kebenaran atau lesen khas melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM 10 000, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda tidak melebihi RM 500 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusan selepas sabitan."

(Kaedah 17, Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009)



Punca Kuasa Perundangan

Perintah Di Bawah Subseksyen 36(2), Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) iaitu Perintah Pengarah DVS Kelantan Bagi Kawalan dan Pembasmian Kuku dan Mulut Bagi Negeri Kelantan menyatakan:

"Mana-mana orang yang menjual karkas binatang hendaklah mempamerkan Kebenaran Bertulis bagi Penyembelihan Binatang dan Sijil Kesihatan Veterinar karkas yang dikeluarkan oleh Pengarah atau mana-mana pegawai berkuasa veterinar yang diberi kuasa olehnya di tempat karkas tersebut dipamer untuk jualan atau dijual."

